

## SEKTOR DAN SUBSEKTOR PERKHIDMATAN, SUKU TAHUN PERTAMA 2021

**Sektor perkhidmatan** merupakan teras utama ekonomi negara. Pada tahun 2020, sektor ini telah merekodkan 57.7 peratus nilai ditambah kepada KDNK Malaysia. DOSM menjalankan survei suku tahunan untuk mengukur prestasi sektor perkhidmatan. Tiga pemboleh ubah yang dikumpul dan dianalisis ialah hasil, bilangan pekerja dan gaji & upah.

Pada suku tahun pertama 2021, sektor ini mengalami penyusutan hasil sebanyak 2.1 peratus berbanding tahun sebelumnya, iaitu daripada RM437.8 bilion kepada RM428.5 bilion. Terdapat 10 subsektor perkhidmatan yang boleh diterangkan mengikut pecahan 4 segmen.

Disediakan oleh:  
**YONG JOO CHIET**,  
Ketua Penolong Pengarah, BPP  
**NURUL FATIHAH MOHAMAD ARIFFIN**,  
Penolong Pengarah, BPP

**SEGMENT PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MAKANAN & MINUMAN DAN PENGINAPAN**

**SEGMENT MAKLUMAT & KOMUNIKASI DAN PENGANGKUTAN & PENYIMPANAN**

**SEGMENT KESIHATAN, PENDIDIKAN DAN KESENIAN, HIBURAN & REKREASI**

**SEGMENT PROFESIONAL DAN EJEN HARTANAH**


Sumber: Penerbitan Sektor Perkhidmatan Suku Tahun Pertama, 2021

### BILANGAN PEKERJA

Tahun	Subsektor	Bilangan Pekerja
2021	ST1	3,666,651
	ST4	3,677,543
	ST3	3,690,496
2020	ST2	3,649,344
	ST1	3,747,344
	ST4	3,808,699
2019	ST3	3,766,988
	ST2	3,766,430
	ST1	3,710,588
2018	ST4	3,711,948
	ST3	3,675,154
	ST2	3,670,199
	ST1	3,618,662

Bilangan pekerja menurun 2.2 peratus pada ST1 2021 berbanding ST1 2020

### PERATUSAN HASIL MENGIKUT SUBSEKTOR




Nota:  
ST = Suku Tahun



# SEGMENT PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MAKANAN & MINUMAN DAN PENGINAPAN

Jumlah hasil bagi segmen ini menunjukkan penurunan 0.2 peratus pada suku tahun pertama 2021 berbanding suku tahun pertama tahun sebelumnya iaitu daripada RM347.3 billion kepada RM346.7 billion.


## SIRI MASA JUMLAH HASIL (RM bilion)



Subsektor yang memberikan sumbangan terbesar kepada jumlah hasil pada suku tahun pertama tahun ini adalah subsektor Perdagangan Borong & Runcit sebanyak RM332.6 bilion, diikuti oleh subsektor Makanan & Minuman (RM13.0 bilion) dan subsektor Penginapan (RM1.1 bilion). Hanya subsektor Perdagangan Borong & Runcit mengalami kenaikan peratusan jumlah hasil iaitu sebanyak 1.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020.




## BILANGAN PEKERJA PADA ST1, 2018-2021



Bilangan pekerja bagi segmen ini mengalami penurunan sebanyak 1.7 peratus pada suku tahun pertama 2021 berbanding suku tahun pertama 2020. Selari dengan penurunan bilangan pekerja tersebut, jumlah gaji dan upah yang dibayar pada tempoh masa yang sama juga menurun kepada RM14.8 bilion berbanding RM15.0 bilion pada ST1 2020.



## JUMLAH GAJI DAN UPAH (RM bilion)



Sumber: Penerbitan Sektor Perkhidmatan Suku Tahun Pertama, 2021

## IMPAK PANDEMIK COVID-19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0

- Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 menghadkan tempoh operasi sektor Runcit dan Makanan & Minuman kepada 8am-8pm berbanding 6am-12am sewaktu PKPB. Dine-in dan perkhidmatan park & dine juga tidak dibenarkan dalam tempoh PKP
- Perkhidmatan borong dan runcit adalah terhad kepada seksyen makanan, minuman dan keperluan asas sahaja




Nota:  
ST = Suku Tahun



# SEGMENT MAKLUMAT & KOMUNIKASI DAN PENGANGKUTAN & PENYIMPANAN

Hasil subsektor dalam segmen ini menurun kepada RM59.8 bilion pada suku tahun pertama 2021 berbanding RM63.9 bilion pada suku tahun pertama sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 6.4 peratus.

## SIRI MASA JUMLAH HASIL (RM bilion)




Subsektor Maklumat & Komunikasi menyumbang sebanyak RM37.7 bilion kepada jumlah hasil segmen ini bagi suku tahun pertama tahun ini manakala subsektor Pengangkutan & Penyimpanan pula adalah RM22.2 bilion. Hasil yang dijana oleh subsektor Maklumat & Komunikasi meningkat sebanyak 5.5 peratus manakala hasil subsektor Pengangkutan & Penyimpanan menurun sebanyak 21.4 peratus berbanding dengan suku tahun pertama tahun sebelumnya.

Sumber: Penerbitan Sektor Perkhidmatan Suku Tahun Pertama, 2021




## BILANGAN PEKERJA PADA ST1, 2018 - 2021



Bilangan pekerja pada suku tahun pertama 2021 menurun sebanyak 4.8 peratus berbanding suku tahun pertama tahun sebelumnya. Jumlah gaji dan upah yang dibayar pada ST1 2021 juga menurun sebanyak 10.5 peratus berbanding ST1 2020 daripada RM5.0 bilion kepada RM4.4 bilion.



## JUMLAH GAJI DAN UPAH (RM bilion)



## IMPAK PANDEMIK COVID-19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0

- Pengurangan kapasiti pengangkutan awam kepada 50% semasa PKP 3.0 bagi mengekang penularan wabak Covid-19 memberi kesan kepada subsektor Pengangkutan & Penyimpanan
- Aktiviti panggung wayang yang kekal ditutup pula akan memberi kesan kepada subsektor Maklumat & Komunikasi




Nota:  
ST = Suku Tahun



# SEGMENT KESIHATAN, PENDIDIKAN DAN KESENIAN, HIBURAN & REKREASI

Segmen ini mencatatkan hasil sebanyak RM12.9 bilion pada suku tahun pertama 2021 dengan penguncupan sebanyak 3.8 peratus berbanding suku tahun pertama tahun sebelumnya (RM16.8 bilion).


## SIRI MASA JUMLAH HASIL (RM bilion)



Bagi suku tahun pertama tahun ini, penyumbang terbesar kepada jumlah hasil segmen ini adalah subsektor Kesihatan Swasta iaitu sebanyak RM5.3 bilion diikuti oleh subsektor Pendidikan Swasta (RM4.8 bilion) dan subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi (RM2.9 bilion) yang juga merupakan subsektor yang mengalami penurunan yang terbesar sebanyak 54.0 peratus berbanding suku tahun pertama tahun 2020.




## BILANGAN PEKERJA PADA ST1, 2018 - 2021



Bilangan pekerja bagi segmen ini mengalami penurunan sebanyak 2.5 peratus pada suku tahun pertama 2021. Selari dengan penurunan bilangan pekerja tersebut, jumlah gaji dan upah yang dibayar pada tempoh masa yang sama juga menurun kepada RM2.4 bilion berbanding RM2.5 bilion pada ST1 2020.



## JUMLAH GAJI DAN UPAH (RM bilion)



Sumber: Penerbitan Sektor Perkhidmatan Suku Tahun Pertama, 2021

## IMPAK PANDEMIK COVID-19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0

- Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) diteruskan berikutan penutupan sekolah
- Pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan dibenarkan beroperasi seperti biasa termasuklah klinik haiwan
- Kerajaan memberi peruntukan kepada pelajar sepenuh masa sebanyak RM150 melalui program eBelia




Nota:  
ST = Suku Tahun



## SEGMENT PROFESIONAL DAN EJEN HARTANAH

Pada suku tahun pertama 2021, segmen ini merekodkan hasil sebanyak RM9.0 bilion, penurunan sebanyak 2.7 peratus berbanding suku tahun pertama tahun sebelumnya (RM9.8 bilion).


### SIRI MASA JUMLAH HASIL (RM bilion)



Subsektor yang memberikan sumbangan terbesar kepada jumlah hasil pada suku tahun pertama tahun ini adalah subsektor Profesional dengan jumlah hasil sebanyak RM8.4 bilion diikuti oleh subsektor Ejen Hartanah (RM0.6 bilion). Kedua-dua subsektor ini mengalami penurunan jumlah hasil masing-masing 7.1 peratus dan 20.8 peratus berbanding suku tahun pertama tahun 2020.




### BILANGAN PEKERJA PADA ST1, 2018 - 2021



Suku tahun pertama tahun 2021 menunjukkan penurunan bilangan pekerja sebanyak 1.1 peratus iaitu 177,390 daripada 179,389 tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, jumlah gaji dan upah yang dibayar kekal pada RM2.5 bilion pada kedua-dua suku tahun pertama 2020 dan 2021.



### JUMLAH GAJI DAN UPAH (RM bilion)



Sumber: Penerbitan Sektor Perkhidmatan Suku Tahun Pertama, 2021

## IMPAK PANDEMIK COVID-19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0

Sektor perkhidmatan swasta yang mendapat kebenaran dibenarkan beroperasi dengan kapasiti kehadiran pekerja termasuk operasi dan pengurusan terhad kepada 60%



Nota:  
ST = Suku Tahun

**PENAFIAN:** Artikel dalam newsletter ini adalah inisiatif pegawai DOSM. Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.



**BANCIO**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
MALAYSIA 2020  
DATA ANDA MASA DEPAN KITA